



## **Gempa bumi di Duzce, tiada rakyat Malaysia terbabit - Wisma Putra**

Nor Azizah Mokhtar

November 24, 2022 @ 12:44am

KUALA LUMPUR: Wisma Putra mengesahkan setakat ini, tiada rakyat Malaysia terbabit dalam kejadian gempa bumi yang berlaku di wilayah Duzce, barat daya Turkiye, semalam.

Wisma Putra dalam kenyataan tengah malam tadi, memaklumkan Kedutaan Besar Malaysia di Ankara dan Konsulat Jeneral Malaysia di Istanbul akan terus memantau situasi ini.

"Setakat ini, tiada warganegara Malaysia dilaporkan terbabit dalam kejadian itu. Bagaimanapun pihak kedutaan akan terus memantau dan sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan maklumat terkini.

"Warganegara Malaysia di Turkiye khususnya di Duzce dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini mengenai bencana ini serta mematuhi nasihat daripada pihak berkuasa tempatan," katanya.

Selain itu, katanya warganegara Malaysia yang berada di Turkiye juga dimohon agar mendaftar dengan Kedutaan Besar Malaysia di Ankara atau Konsulat Jeneral Malaysia di Istanbul.

Kedutaan Besar Malaysia di Ankara boleh dihubungi ditalian +(90) 312 4463547/48 (Pertanyaan Am/Kecemasan) atau +(90) 534 4571006 (selepas waktu bekerja) atau menerusi e-mel [mwankara@kln.gov.my](mailto:mwankara@kln.gov.my).

Konsulat Jeneral Malaysia di Istanbul pula boleh dihubungi menerusi talian +(90) 212 9891001/ 09 (Pertanyaan Am/Kecemasan) atau +(90) 551 7112174 (selepas waktu bekerja) ataupun emelmwistanbul@kln.gov.my.

Dalam pada itu, katanya kejadian gempa bumi berukuran 5.9 skala Richter yang berlaku kira-kira jam 4.08 pagi semalam di wilayah Duzce, kira-kira 200 kilometer dari timur Istanbul itu mengakibatkan 50 orang cedera selain kerosakan infrastruktur yang teruk.

"Kerajaan Malaysia merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada mereka yang terkesan dengan malapetaka ini dan kepada Kerajaan dan rakyat Republik Turkiye," katanya.